MOHAMAD NOOR ABDUL GHANI

lwn.

MAJISTRET, MAHKAMAH MAJISTRET, BUKIT MERTAJAM & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
TEE AH SING H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-12-2000]
8 MEI 2001

PROSEDUR JENAYAH: *Habeas corpus - Permohonan - Pemohon ditahan di pusat pemulihan dadah - Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, s. 6(1) - Samada laporan pegawai pemulihan adalah sah - Samada pemohon diberi peluang untuk membuat representasi - Samada Borang 1 di bawah Kaedah-Kaedah Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1998 bagi menentukan samada pemohon penagih dadah adalah sah*

TAFSIRAN STATUT: *Perundangan subsidiari - Borang 1 Kaedah-Kaedah Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1998 - Perkataan-perkataan "dia dengan semunasabahnya mengesyaki" di borang tersebut bercanggah dengan perkataan-perkataan "orang itu perlu ditahan" di bawah s. 4(1)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 - Samada s. 23(1) Akta-Akta Interpretasi 1948 dan 1967 terpakai - Samada borang tersebut sah*

Pemohon diarahkan oleh majistret supaya ditahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Serenti, Sungai Petani, Kedah di bawah s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pemohon membuat permohonan untuk suatu writ *habeas corpus* atas alasan-alasan bahawa: (1) laporan pegawai pemulihan yang mengesyorkan pemohon dihantar ke pusat pemulihan tersebut atas alasan bahawa pemohon telah lama terlibat dengan dadah tidak benar; (2) majistret gagal memberikan pemohon peluang untuk membuat representasi; dan (3) Borang 1 bagi menjalani ujian untuk menentukan samada pemohon adalah penagih dadah di bawah Kaedah-Kaedah Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1998 ('Kaedah-Kaedah tersebut') tidak sah.

Diputuskan:

[1] Adalah jelas pemohon telah terlibat dengan pengambilan dadah jenis ganja pada tahun 1995 tetapi telah berhenti pada tahun 1996. Seterusnya pada 2 Ogos 2000, pemohon telah terlibat dengan dadah jenis heroin untuk pertama kalinya. Fakta-fakta tersebut adalah daripada pemohon sendiri.

Maka pendapat pegawai pemulihan yang menyatakan bahawa pemohon telah lama terlibat dengan dadah adalah betul. Oleh demikian, laporan pegawai pemulihan tersebut tidak cacat dari segi undang-undang.

[2] Adalah jelas mengikut rekod nota prosiding bahawa hak pemohon untuk diwakili oleh peguam dan membuat representasi termasuk hak untuk membantah telah diterangkan kepada pemohon. Perintah-perintah yang boleh dibuat di bawah s. 6(1)(a) dan (b) Akta tersebut juga telah diterangkan kepada pemohon. Kandungan perakuan tentang penagihan dadah oleh doktor telah diterangkan kepada pemohon. Di bawak tajuk "Representasi oleh Subjek" terdapat perkataan-perkataan "Setuju dengan laporan doktor". Lagi, terdapat catatan bahawa pemohon telah membuat satu representasi berbentuk rayuan apabila beliau memohon pengawasan. Pemohon juga menyatakan bahawa beliau ada tiga orang anak, ibunya sakit dan isterinya tidak bekerja. Dengan itu, nota prosiding tersebut membuktikan bahawa pemohon telah diberi peluang membuat representasi.

[3] Isi kandungan Borang 1 Kaedah-Kaedah tersebut yang mengandungi perkataan-perkataan "bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki" adalah berlawanan dengan perkataan-perkataan "orang itu perlu ditahan" di dalam s. 4(1)(b) Akta tersebut. Maka menurut peruntukkan s. 23(1) Akta-Akta Interpretasi 1948 dan 1967, peruntukkan s. 4(1)(b) Akta tersebut mengatasi isi kandungan Borang 1 yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah tersebut. Akibatnya perintah majistret di dalam Borang 1 itu tidak sah, tidak berkesan dan terbatal.

[Permohonan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Chuah Say Phang lwn. Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik, Perak Darul Ridzuan & Satu Lagi [2000] 5 MLJ 678 ***(diikuti)***

Gopinathan Subramaniam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [1999] 7 CLJ 558 ***(dirujuk)***

Quan Kim Hock v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [1999] 7 CLJ 585 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, ss. 4(1)(b), 6(1)(a), (b), 28(1)(b)

Interpretation Acts 1948 & 1967, s. 23(1)

Bagi pihak pemohon - R Palaniappan; T/n Palani & Co
Bagi pihak penentang - Abdul Rashid Sidin Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

a

PENGHAKIMAN

Tee Ah Sing H:

Ini adalah suatu permohonan oleh pemohon untuk suatu writ *habeas corpus*. Pemohon telah diarahkan oleh majistret, Bukit Mertajam supaya ditahan untuk b menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Serenti, Sungai Petani, Kedah di bawah peruntukan sub-s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ("Akta tersebut").

Peguam pemohon berhujah, antara lain, perintah majistret adalah bergantung c kepada laporan pegawai pemulihan seperti dieks. 'RS' di mana pegawai pemulihan telah mengesyorkan pemohon dihantar ke Pusat Serinti kerana pemohon telah lama terlibat dengan dadah. Pemohon telah mengambil dadah jenis heroin pertama kali pada 2 Ogos 2000 iaitu tarikh pemohon ditangkap. Pegawai pemulihan telah bertulis daripada hasil perbualannya dengan pemohon dan pegawai pemulihan telah menyimpulkan yang pemohon telah lama terlibat d dengan dadah tanpa disokong oleh sebarang keterangan yang lain. Ini menjadikan syor tersebut cacat dan tidak sah. Majistret seharusnya tidak bertindak atas laporan tersebut.

Pemohon hanya mengambil dadah sekali sahaja pada tarikh yang ditangkap e maka pemohon bukanlah seorang penagih dadah seperti erti kata s. 2 Akta tersebut. Dan kes *Gopinathan a/l Subramaniam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors.* [1999] 7 CLJ 558 telah dirujukkan untuk menyokong penghujahan ini.

Isu kedua adalah semasa pemohon dihadapkan majistret, majistret telah gagal f memberikan pemohon peluang untuk representasi.

Eksibit 'R2' adalah nota prosiding. Di perenggan representasi oleh subjek ada tercatit "Setuju dengan Laporan Doktor". Jawapan ini menunjukkan bahawa pemohon telah gagal diberikan peluang representasi. Kes *Quan Kim Hock v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Or*s [1999] 7 CLJ 585 telah dirujukkan. g

Isu yang akhir adalah eks. 'R6' dalam baris ketiga perkataan-perkataan "dia dengan semunasabahnya mengesyaki" adalah bercanggah dengan sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut yang mengandungi perkataan-perkataan "perlu ditahan".

h Di dalam kes *Habeeb Najar a/l Abdul Rashid* di dalam permohonan jenayah No. 44-12-99 Mahkamah Tinggi Pulau Pinang YA Dato' Mohd. Noor telah membenarkan permohonan atas isu ini.

i

Peguam responden-responden berhujah bahawa eks. 'R6' iaitu Borang 1 adalah sah dan menurut undang-undang iaitu Kaedah-Kaedah Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Borang-Borang) 1998 ("Kaedah Kaedah tersebut"). Jadi tidak timbul persoalan bahawa eks. 'R6' adalah bercanggah dengan sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut.

Adalah jelas bahawa pemohon adalah seorang penagih dadah berdasarkan kepada perenggan 5 eks. 'R5'. Laporan doktor mengesahkan bahawa pemohon adalah seorang penagih dadah dan keputusan majistret untuk menghantar pemohon ke Pusat Serenti selama dua tahun adalah sah. Menurut nota prosiding eks. 'R2' peluang representasi telah diberikan kepada pemohon dan kes *Quan Kim Hock v. Timbalan Menteri Dalam Negeri (supra)* harus dibezakan.

Peguam pemohon dalam penghujahan jawapannya berhujah bahawa terdapat percanggahan di antara sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut dan Borang 1 yang telah dibuat di bawah sub-s. 28(1) Akta tersebut, maka peruntukan sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut "prevail".

Sekarang saya menimbangkan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Perenggan 5 laporan pegawai pemulihan di dalam eks. R5 yang material adalah seperti berikut:

> 5. RUMUSAN DAN SYOR PEGAWAI PEMULIHAN
>
> Penama berumur 28 tahun, telah berkahwin dan mempunyai 2 orang anak. Penama merupakan anak ketiga dari 5 beradik dan bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan sebanyak RM40 sehari. Mendapat pendidikan sehingga Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Agama Kupang, Kedah.
>
> Semasa memberi keterangan, penama mengaku terlibat dengan dadah jenis heroin pada 2-8-2000 (pertama kali mencuba-akuan mulut). Penama mengaku terlibat dengan dadah jenis ganja pada 1995 tetapi telah berhenti pada 1996 disebabkan penama telah berkahwin. Pengambilan dadah secara balut dalam rokok.
>
> Memandangkan penama telah lama terlibat dengan dadah dan jenis dadah yang diambil dan penama belum mendapat rawatan pemulihan (tidak berpeluang), adalah disyorkan penama mendapat rawatan dan pemulihan di pusat serenti di bawah Sek 6(1)(a) APD (R & P) 1983 Pindaan 1998 demi kebaikan dan masa depan penama.

Adalah jelas pemohon telah tenlibat dengan pengambilan dadah jenis ganja pada tahun 1995 tetapi telah berhenti pada tahun 1996. Dan pada 2 Ogos 2000 pemohon telah terlibat dengan dadah jenis heroin pertama kali. Fakta-fakta tersebut adalah daripada pemohon sendiri. Maka pendapat pegawai permulihan yang menyatakan bahawa pemohon telah lama terlibat dengan dadah adalah betul.

Oleh yang demikian perenggan 5 laporan pegawai pemulihan dalam eks. 'R5' tidak cacat dari segi undang-undang.

Isu kedua ialah samada pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasi atau tidak.

YA Zulkefli H di dalam kes *Chuah Say Phang lwn. Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik, Perak Darul Ridzuan dan Satu Lagi* [2000] 5 MLJ 678 telah memberi pendapatnya tentang maksud perkataan "representasi" yang terdapat dalam sub-s. 6(1) Akta tersebut di ms 682 dan 683.

> Saya mendapati Akta tersebut tidak banyak membantu kerana ianya tidak menterjemahkan maksud 'representasi' ataupun menghuraikan setakat mana seorang majistret perlu bertindak untuk menyampaikan kepada seorang pemohon peluangnya untuk membuat representasi. Adalah pandangan saya secara amnya 'representsi' adalah suatu terma yang mempunyai makna yang luas dan ianya termasuk pernyataan yang dibuat untuk mengemukakan sesuatu perkara untuk pertimbangan sama ada melalui dakwaan, pembelaan, rayuan, perakuan ataupun untuk mempertikaikan apa-apa dakwaan atau hasil laporan yang dibuat oleh sesuatu pihak yang lain. Oleh demikian, saya seterusnya berpendapat maksud 'membuat representasi' seperti yang dinyatakan dalam s. 6(1) Akta tersebut boleh membawa makna selain daripada hak untuk menafikan, menolak dan mempertikaikan sesuatu perkara, ianya juga membawa makna hak membuat rayuan atau memohon perakuan.
>
> Adalah pandangan saya bahawa seorang majistret tidak boleh dianggap telah tidak memberi seorang subjek peluang untuk membuat suatu representasi sekiranya rekod nota prosiding yang dicatat oleh majistret tersebut menunjukkan subjek tersebut telah sebenarnya membuat representasi dalam bentuk seperti yang telah dinyatakan di atas. Majistret tersebut juga tidak boleh dikatakan telah tersilap sekiranya subjek membuat pilihan untuk tidak membuat representsi dan dalam hal ini adalah lebih baik dan digalakkan supaya majistret mencatatkan dalam rekod nota prosidingnya ungkapan seperti 'tiada apa-apa bantahan atau rayuan daripada subjek'. Walau bagaimanapun, saya masih berpendapat jika majistret gagal mencatat ungkapan seperti yang dinyatakan di atas ianya tidak bermakna majistret tersebut telah tersilap dari segi undang-undang kerana perlanggaran peruntukan s. 6 Akta tersebut hanya akan terjadi jika rekod nota prosiding menunjukkan bahawa subjek tersebut telah tidak diberi peluang untuk didengar.
>
> Saya juga berpendapat adalah tidak menjadi kewajipan kepada seorang majistret yang membicarakan prosiding di bawah peruntukan s. 6 Akta tersebut untuk memperjelaskan tentang maksud perkataan 'representasi' atau ungkapan 'membuat representasi' atau tujuan dan efek membuat representasi supaya dengan penjelasan tersebut seorang subjek itu tahu akan haknya dan kesan prosiding tersebut terhadapnya. Kedudukan undang-undang adalah seseorang itu dianggap mengetahui undang-undang dan ketiadaan pengetahuan tentang

undang-undang yang berkenaan bukanlah merupakan satu alasan. Saya seterusnya mendapati Akta tersebut hanya menghendaki seseorang subjek itu diberi peluang untuk memnbuat representasi dan tidak lebih daripada itu. Dalam hal ini saya ingin memetik tentang apa yang telah dinyatakan oleh Abdul Wahab H di mana saya bersetuju dengan pandangannya dalam suatu penghakiman yang tidak dilaporkan iaitu Kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam Permohonan Jenayah No. 44-36-99 seperti di ms 8 berikut:

> To explain the meaning of the word 'representations' and the significance and purpose of making representations, so that with the explanations, the subject would know his rights and the consequences of the proceedings is, to my mind, to extend the duty of the Magistrate to realm of giving legal advice, well beyond giving an opportunity to make representations ...

Saya bersetuju sebulat suara tentang definasi berkenaan maksud "membuat representasi" seperti di atas.

Rekod nota prosiding adalah di dalam eks. 'R2'.

Adalah jelas mengikut rekod nota prosiding bahawa hak pemohon untuk diwakili oleh peguam dan membuat representasi termasuk hak untuk membantah telah diterangkan kepada pemohon. Perintah-perintah yang boleh dibuat di bawah sub-s. 6(1)(a) dan sub-s. 6(1)(b) Akta tersebut telah diterangkan kepada pemohon. Kandungan perakuan tentang penagihan dadah oleh doktor telah diterangkan kepada pemohon. Di bawah tajuk "Representasi oleh Subjek" terdapat perkataan-perkataan "Setuju dengan laporan doktor".

Terdapat catatan bahawa pemohon telah membuat representasi di mana pemohon telah membuat satu representasi berbentuk rayuan apabila beliau memohon pengawasan. Pemohon juga menyatakan bahawa beliau ada tiga orang anak, ibunya sakit dan isterinya tak kerja.

Saya berpendapat di atas rekod nota prosiding terdapat bukti bahawa pemohon telah diberi peluang membuat suatu representasi.

Isu akhir ialah berkenaan eks. 'R6', iaitu Borang 1.

Sub-seksyen 4(1)(b) Akta tersebut memperuntukkan:

> 4.(1) Jika ujian-ujian tidak dapat dijalankan atau disiapkan, atau keputusan ujian-ujian itu tidak dapat diperolehi dalam masa dua puluh empat jam dari masa seseorang itu ditahan dalam jagaan di bawah subseksyen (1) seksyen 3:
>
> (a) ...

(b) orang itu bolehlah dibawa oleh seseorang pegawai ke hadapan Majistret, dan Majistret itu hendaklah jika pegawai itu melaporkan bahawa orang itu perlu ditahan bagi maksud menjalani ujian-ujian, memerintahkannya supaya ditahan sedemikian selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada empat belas hari untuk menjalani ujian-ujian. ...

Subseksyen 28(1)(b) Akta tersebut memperuntukkan:

28.(1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan atau maksud-maksud Akta ini dengan lebih lanjut, baik dan mudah dan khususnya, tetapi tanpa mengurangkan keluasan peruntukan-peruntukan yang tersebut dahulu, berkenaan dengan mana-mana atau semua perkara berikut:

(a) ...

(b) untuk mengadakan borang-borang bagi penggunaan berkaitan dengan mana-mana perkara di bawah Akta ini;

Kaedah-Kaedah tersebut telah dibuat oleh Menteri di bawah sub-s. 28(1) Akta tersebut.

Menurut k. 2 Kaedah-Kaedah tersebut borang-borang yang hendak digunakan bagi maksud Akta tersebut ialah borang-borang yang dinyatakan dalam Jadual.

Borang 1 dalam Jadual adalah seperti berikut:

JADUAL

BORANG 1

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983
(Perenggan 4(1)(b))

PERINTAH TAHANAN UNTUK MENJALANI UJIAN BAGI ORANG YANG DISYAKI SEBAGAI PENAGIH DADAH

Bahawasanya saya ... seorang Majistret di ... setelah dilaporkan kepada saya oleh pegawai bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki bahawa ... Kad Pengenalan No ... berumur ... tahun yang beralamat di ... ialah seorang penagih dadah, memerintahkan supaya orang tersebut ditahan di ... dari ... hingga ... untuk menjalani ujian-ujian bagi maksud menentukan sama ada dia ialah atau bukanlah seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta.

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah di ... pada ...

...
(Majistret)

Eksibit ‘R6’ iaitu Borang 1 adalah serupa borang 1 di Jadual tersebut.

Di dalam sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut perkataan-perkataan penting ialah "jika pegawai itu melaporkan bahawa orang itu perlu ditahan bagi maksud menjalani ujian-ujian". Tetapi di dalam Borang 1 perkataan-perkataan penting ialah "setelah dilaporkan kepada saya oleh pegawai bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki bahawa Mohamad Noon bin Abdul Ghani ... ialah seorang penagih dadah." Saya berpendapat perkataan-perkataan "dia dengan semunasabahnya mengesyaki" di dalam Borang 1 ada bencanggah dengan perkataan-perkataan "orang itu perlu ditahan" di sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut.

Seksyen 23(1) Akta-Akta Interpretasi 1948 dan 1967 memperuntukkan:

> (1) Any subsidiary legislation that is inconsistent with an Act (including the Act under which the subsidiary legislation was made) shall be void to the extent of the inconsistency.

Kaedah-Kaedah tersebut adalah perundangan subsidiari.

Isi kandungan Borang 1 yang mengandungi perkataan-perkataan "bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki" adalah berlawanan dengan perkataan-perkataan "orang itu perlu ditahan" di dalam sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut. Maka menurut peruntukkan s. 23(1) Akta-Akta Interpretasi 1948 dan 1967 Borang 1 yang mengandungi perkataan-perkataan "bahawa dia dengan semunasabahnya mengesyaki" adalah tak sah setakat itu. Di samping itu, saya berpendapat bahawa Menteri berkenaan telah melampaui bidang kuasa yang diberikan di bawah sub-s. 28(1)(b) Akta tersebut tentang isi kandungan Borang 1 yang telah dihuraikan oleh saya. Maka peruntukkan sub-s. 4(1)(b) Akta tersebut mengatasi isi kandungan Borang 1 yang dibuat di bawah kaedah-kaedah tersebut. Akibatnya perintah majistret di dalam Borang 1 itu tidak sah, tidak berkesan dan terbatal.

Di dalam kes Permohonan Jenayah No. 44-12-99 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di antara *Habeeb Najar a/l Abdul Rashid lwn. Pengurus/Komandan Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang* yang tidak dilaporkan YA Dato' Mohd. Noor bin Haji Abdullah H dengan jelasnya di ms 2 alasan penghakimannya berkata:

> Menurut perintah tahanan Majistret itu yang menggunakan Borang 1 kepada Akta, adalah diteliti bahawa Majistret yang bijaksana telah memerintahkan Pemohon ditahan **setelah dilaporkan kepadanya oleh seorang pegawai bahawa pegawai itu dengan semunasabahnya mengesyaki bahawa Pemohon ialah seorang penagih dadah**.

Pada hemat saya, Majistret yang bijaksana tersilap pada sisi undang-undang kerana memerintahkan pemohon ditahan bukan atas sebab yang dinyatakan di bawah seksyen 4(1)(b) sebagaimana dinyatakan di atas tetapi atas sebab pegawai itu melaporkan kepadanya bahawa pegawai itu dengan semunasabahnya mengesyaki Pemohon ialah seorang penagih dadah. Akibatnya perintah tersebut tidak sah, tidak berkesan dan terbatal. Majistret itu telah menggunakan Borang 1 yang tidak dikemaskinikan atau gagal membuat ubahsuaian yang sewajarnya kepada Borang itu bagi mencerminkan pindaan yang dibuat terhadap seksyen ini.

Saya bersetuju dengan pandangan YA Dato' Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

Berdasarkan alasan-alasan seperti di atas, saya membenarkan permohonan pemohon sebagaimana dipohon.